

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB
[PULAI]**

TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**
menyatakan:

- (a) status '*soft landing*' pengharaman pukut tunda ; dan
- (b) status pemutihan lesen nelayan.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Tuan Yang Dipertua,

a) Status *soft landing* penghapusan pukot tunda zon B (*exit policy*)

Pukat tunda merupakan peralatan menangkap ikan destruktif, tidak selektif dan tidak mesra sumber yang mengakibatkan kemerosotan sumber perikanan terutamanya di kawasan persisiran pantai. Beberapa negara juga telah mengharamkan penggunaan peralatan tersebut termasuk Indonesia, Jepun, Hong Kong dan Palau. Sehingga tahun 2018, terdapat 2,104 vesel pukat tunda masih aktif beroperasi di zon B berbanding 2,516 vesel yang dilesenkan pada tahun 2016.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah mengambil tindakan sewajarnya untuk melaksanakan *exit policy* secara *soft landing* bagi pukat tunda bermula pada tahun 2014. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh DOF adalah seperti berikut:

- i. Sekiranya pemilik ingin kekal di zon B, maka peralatan perlu ditukar kepada peralatan lain selain daripada pukat tunda iaitu pukat jerut atau peralatan tradisional. Sejumlah 44 pemilik vesel memilih untuk kekal di zon yang sama; dan
- ii. Sekiranya pemilik ingin pindah milik dan kekal dengan peralatan pukat tunda, vesel hendaklah berpindah ke zon C. Sejumlah 226 pemilik telah berpindah ke zon C dengan mengekalkan penggunaan peralatan pukat tunda.

Buat masa ini DOF telah merangka usaha ke arah pengurangan vesel pukat tunda zon B secara berfasa ke arah **sifar** pukat tunda zon B. Usaha-usaha yang **akan** dilaksanakan bermula tempoh Rancangan Malaysia ke-12 adalah seperti berikut:

- i. Insentif **Penstrukturan Vesel** Pukat Tunda zon B iaitu pampasan secara *one-off* kepada pemilik vesel pukat tunda zon B untuk keluar terus daripada industri perikanan tangkapan;
- ii. Skim Pembiayaan **Pemodenan Vesel** bagi nelayan yang bersetuju untuk berpindah ke zon C; dan
- iii. Pemberian geran bagi **pertukaran kepada peralatan tradisi** dan **pertukaran kawasan operasi** lebih jauh.

b) Status pemutihan lesen vesel

Bagi memastikan lesen vesel penangkapan ikan yang dikeluarkan adalah terkawal dan diusahakan oleh pengusaha yang benar-benar tulen '*genuine player*', maka pemutihan secara berjadual dan komprehensif ke atas 52,556 vesel untuk kesemua zon (A, B, C dan C2) yang disemak melalui sistem e-lesen dan sistem *Malaysian Fishing Vessel Record* (MFVR) telah dilaksanakan. Untuk makluman, aktiviti pemutihan lesen vesel bagi semua zon dijalankan secara tahunan oleh DOF. Status terkini jumlah pemutihan lesen vesel bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:

ZON	BILANGAN LESEN VESEL (Pukat Tunda, Jerut, Bubu dan Rawai)		
	2017	2018	Catatan
Zon A	44,029	44,217	
Zon B	5,539	5,288	
Zon C	2,366	2,417	Bertukar zon dari zon B ke zon C
Zon C2	714	634	
JUMLAH	52,648	52,556	

Sekian, terima kasih.